



JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA  
Jalan Cenderasari  
50590 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Tel : 03-2268 7333  
Fax : 03-2268 7555  
Laman Web : jknkl.moh.gov.my



Ruj. Kami : Bil. (15) dlm.JKWPKL(K)/131/1 JLD. 19  
Tarikh : 24 Ogos 2018

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### PENGGUNAAN PENYATA TOUCH & GO BAGI TUNTUTAN PERJALANAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg Datuk/Datin/tuan/puan, tuntutan **bayaran balik** pegawai (tuntutan perjalanan) bagi pembayaran yang menggunakan kad **Touch & Go** perlu **disokong dengan penyata Touch & Go** supaya tuntutan perjalanan yang dibuat oleh pegawai adalah lebih telus. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Bil. 3 Tahun 2018 yang telah diadakan pada Isnin, 23 Julai 2018. Pelaksanaan perkara ini akan **berkuat kuasa kepada semua PTJ di bawah JKWPKL&P mulai tuntutan perjalanan bulan September 2018.**

3. Sehubungan itu, semua pegawai yang membuat tuntutan bayaran balik (tuntutan perjalanan) dengan menggunakan kad **Touch & Go** dikehendaki untuk mendaftarkan kad **Touch & Go** masing-masing di laman web syarikat tersebut dengan kadar segera untuk mengelakkan sebarang kesulitan yang dihadapi semasa tuntutan perjalanan dikemukakan ke Unit Kewangan PTJ masing-masing. Bagi pegawai yang menggunakan kad pengenalan sebagai kad **Touch & Go**, sila dapatkan nombor siri daripada resit ketika membuat tambah nilai (*reload*) dan daftar dengan menggunakan nombor siri tersebut.

4. Kerjasama pihak YBhg Datuk/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk memanjangkan perkara ini ke semua Bahagian/Cawangan/Unit dan fasiliti kesihatan di bawah seliaan pihak YBhg Datuk/Datin/tuan/puan. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg Datuk/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

### "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR ZAINUDIN BIN ABDUL WAHAB)

MMC: 25033

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur dan Putrajaya

"KAMI SEDIA MEMBANTU"



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SUJU : AR 5415

**SENARAI EDARAN:**

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
7. Pengarah Hospital  
Hcspital Putrajaya
8. Pengarah Hospital  
Hospital Rehabilitasi Cheras
9. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya
10. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai
11. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Cheras
12. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa
13. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Kepong